

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 6 )

12 Januari 2021  
28 Jamadilawal 1442

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2021

### **ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERKUAT KUASA MULAI 13 JANUARI 2021 HINGGA 26 JANUARI 2021**

Merujuk kepada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan), Johor, Sabah dan Melaka untuk tempoh **14 hari mulai 13 Januari 2021 (Rabu) hingga 26 Januari 2021 (Selasa)**.

2. Sepanjang tempoh tersebut, staf perlu bekerja dari rumah (BDR) dan membuat permohonan melalui aplikasi UTMSMart atau Portal MyUTM menu *Staff Movement* seterusnya merekodkan kehadiran bekerja melalui aplikasi UTMSmart (*Check-In/Out GPS*) mengikut waktu bekerja berperingkat.

3. Walau bagaimanapun, perkhidmatan Pusat Tanggungjawab dibenarkan beroperasi dengan kehadiran sehingga 30% bagi kumpulan pengurusan dan kumpulan sokongan melalui sistem penggiliran (Nisbah 1:2). Staf akademik adalah tidak tertakluk dalam kategori ini dan mereka dikehendaki bekerja dari rumah kecuali mereka yang mempunyai masalah internet sehingga 31 Mac 2021. Walau bagaimanapun, staf di bawah Perkhidmatan Perlu yang disenaraikan perlu hadir bertugas seperti biasa mengikut arahan Ketua Jabatan. Semua kemasukan ke kampus perlu membuat permohonan melalui aplikasi UTMSMart atau Portal MyUTM menu *Staff Movement*.

4. Bagi memastikan operasi Pusat Tanggungjawab tidak terjejas, Universiti menyediakan panduan aktiviti dan pergerakan ke kampus seperti berikut:

- i. Panduan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Berkuat Kuasa Mulai 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021  
(<https://registrar.utm.my/panduanpkp/>)

5. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah berkuat kuasa mulai 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021 atau sehingga pihak Kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu mengenai isu ini. Ketua Jabatan perlu memastikan jumlah pekerja yang hadir **mestilah mengambil kira pematuhan ketat SOP yang ditetapkan**. Warga Universiti adalah diminta untuk memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di Universiti.

Terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan-UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 6 )

12 January 2021  
28 Jamadilawal 1442

## ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 2/2021

### IMPLEMENTATION OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) EFFECTIVE 13 JANUARY 2021 UNTIL 26 JANUARY 2021

Referring to the announcement made by YAB Prime Minister on 11 January 2021, the government has decided to implement the Movement Control Order (MCO) in Penang, Selangor, Federal Territory (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan), Johor, Sabah and Melaka for **14 days from 13 January 2021 (Wednesday) until 26 January 2021 (Tuesday)**.

2. During that period, staff must work from home (WFH) and apply using UTMSmart apps or through MyUTM Portal under Staff Movement menu, and record the attendance using UTMSmart (*Check-In/Out* GPS) based on the flexible working hours.

3. Nevertheless, the operation of Responsibility Centre (PTJ) is allowed to continue with attendance up to 30% of the Professional and Support staff through a rotation system (ratio 1:2). Academic staff however, do not fall under this category and are required to work from home (WFH) except those who have internet problem until 31 March 2021. Staff under the Essential Services are required to be present at the office following the decision by the Head of Department. Staff need to apply through UTMSmart apps or MyUTM portal menu: Staff Movement to enter campus.

4. To ensure that all PTJ operations are not disrupted, the University has prepared a guideline for activities and campus movement as follows:

- i. Guideline for Movement Control Order (MCO) Effective 13 January 2021 until 26 January 2021. (<https://registrar.utm.my/panduanpkp/>)

5. This Movement Control Order is effective starting 13 January 2021 until 26 January 2021 or until there is further notice from the government. All Head of Department (HOD) **must ensure that all staff who are present at the office strictly follow the SOP**. University community members are requested to give full cooperation and to comply to the Movement Control Order (MCO) in order to reduce the outbreak of COVID-19 in the university.

Thank you.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

I, who uphold trust,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
  - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
  - Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
  - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
  - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
  - Director Research Centre – UTM Pagoh
  - Senior Officers / Deans / Directors